

MIC Mahu Buka Kolej Di India

CADANGAN pembinaan cawangan MARA di India oleh Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu betul-betul menimbulkan keraguan. Ini kerana pembinaan kolej tersebut jelas tidak akan memberi keuntungan kepada orang Melayu - golongan yang harus diperjuangkan oleh MARA itu sendiri. MARA merupakan sebuah institusi yang penting dalam pendidikan orang-orang Melayu. Institusi yang dirintis oleh Dato Onn Jaafar ini ditubuhkan sebelum merdeka, ia dan dikenali sebagai RIDA dan kemudiannya telah ditukar kepada MARA.

Justeru, adalah diharapkan oleh sebilangan besar orang Melayu supaya MARA lebih mengutamakan kepentingan pendidikan anak-anak Melayu tanpa dicampur aduk dengan kaum lain. Isu ini timbul ekoran cadangan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu untuk membuka sebuah Kolej Perubatan di India melalui kerjasama antara MARA dan MIC. Siapa sebenarnya yang akan mendapat manfaat dari cadangan ini jika ia dipersetujui?

Cadangan tersebut nyata tidak jelas tujuannya yang sebenar, mengapa pembinaan kolej yang melibatkan MARA dibina di India sedangkan sasarannya tidak jelas - dimana fungsi MARA untuk memperjuangkan pendidikan anak-anak Melayu sedangkan golongan sasaran tersebut ada di Malaysia?

Lagipun, pembinaan cawangan MARA tidak kira dimana sekalipun melibatkan kos perbelanjaan yang besar

dan sudah pasti MARA tidak mampu untuk membiayainya. Apatah lagi cadangan pembinaan tersebut di India - langsung tidak praktikal dengan fungsi MARA itu sendiri.

EFEKTIF

Daripada MARA menerima tawaran untuk membuka kolej di India, adalah lebih relevan sekiranya MARA mem buka kolej perubatan di negara ini - lebih jelas sasarannya iaitu kepada pelajar-pelajar Melayu. Ataupun kembali membiayai pelajar-pelajar Melayu untuk belajar di luar negara sepertimana yang dilakukan oleh institusi itu selama ini, kerana kini kebajikan siswa Melayu tidak lagi jaminan mereka - dalam erti kata lain hak keistimewaan pendidikan Melayu perlu dititik beratkan dengan lebih efektif.

Dalam pada itu, cadangan pembinaan stesen janakua sa menggunakan arang batu di negeri Andra Pradesh, India juga menimbulkan keraguan. Projek yang dikatakan 'bijak' itu ditanggung sebanyak 70 peratus daripada RM2.6 bilion kos oleh Malaysia. Projek tersebut dijalankan di India dan membangunkan India bukan Malaysia - sebaliknya kos pula ditanggung oleh Malaysia.

Dimana bijaknya?

MIC mahu buka kolej di India

Daripada
S. ANAND KUMAR

HYDERABAD 8 Jan. — MIC berminat membuka sebuah kolej perubatan di India bagi membolehkan para pelajar dari Malaysia mengikuti kursus perubatan di negara ini.

Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, untuk tujuan itu, sayap pendidikan MIC, Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) akan berbin-cang dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) mengenai usaha sama penubuhan kolej berkenaan.



S. SAMY VELLU

Keratan akhbar 'Utusan Malaysia' bertarikh 9 Januari 2006

Ramai yang ingin mengetahui projek tersebut sama ada telah dibincang dengan baik bersama Kerajaan dan UMNO melalui Majlis Tertinggi (MT)?

Mereka mengharapkan keberkesanan kepimpinan Kerajaan dan perlu memastikan sesuatu tindakan dilakukan dengan lebih berhati-hati dan pemimpin-pemimpin UMNO mestilah bersuara sekiranya didapati projek-projek tersebut tidak relevan dan menguntungkan negara.